

Isnin

5 Jun 2017



MALAYSIA

**MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH
AHLI DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA**

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
MAJLIS MENGANGKAT SUMPAAH
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA
Isnin, 5 Jun 2017
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGANGKAT SUMPAAH SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah Mengangkat Sumpah:

Lantikan Semula

1. Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian.
2. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki.

Lantikan Baru

1. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias.
2. Yang Berhormat Senator Tuan Zahari bin Sarip.

[Upacara Mengangkat Sumpah Tamat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN AHLI DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, salam sejahtera dan salam negaraku Malaysia.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan empat orang Ahli Dewan Negara yang telah Mengangkat Sumpah sebentar tadi.

Dua orang Ahli Dewan Negara yang dilantik semula oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah yang seperti berikut:

- Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian.
- Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki.

Pelantikan Yang Berhormat untuk Penggal Kedua merupakan satu pengiktirafan oleh kerajaan terhadap khidmat bakti serta sumbangan Yang Berhormat sepanjang penggal yang lalu.

Saya juga ingin mengalu-alukan dua Ahli Dewan Negara lantikan baru iaitu:

- Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias yang merupakan lantikan baru oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong; dan
- Yang Berhormat Senator Tuan Zahari bin Sarip yang merupakan pilihan Kerajaan Negeri Johor.

Pelantikan-pelantikan baru dan pelantikan semula Ahli-ahli Yang Berhormat tadi akan memberi peluang untuk memberi khidmat bakti dan sumbangan kepada rakyat dan institusi Parlimen, serta negara.

Saya berharap, sumbangan Ahli-ahli Yang Berhormat kepada masyarakat dapat di teruskan dan diterjemahkan bukan sahaja daripada segi perbahasan dan penglibatan aktif dalam Dewan yang mulia ini tetapi juga daripada aspek kepatuhan kepada ikrar taat setia, Perlembagaan Negara, peraturan-peraturan mesyuarat, serta prinsip-prinsip universal dalam piagam negara yang menekankan antara lain, keluhuran Perlembagaan Negara, kedaulatan undang-undang serta keperibadian mulia yang menjiwai ketamadunan manusia.

Ahli Yang Berhormat, demokrasi adalah konsep yang indah yang perlu dibina atas asas yang kukuh, tingkah laku yang beradab dan bersopan disertai dengan pemikiran yang terbuka serta rasional adalah penting ditonjolkan sebagai modal ataupun contoh teladan yang terpuji bukan sahaja dalam kalangan Ahli Yang Berhormat tetapi jauh penting lagi kepada khalayak ramai terutamanya generasi muda. Tidak kurang pentingnya sebagai institusi perundangan yang berwibawa dan disanjung tinggi di kaca mata masyarakat.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru perlu berusaha gigih ke arah menambahkan ilmu demi mempertingkatkan lagi mutu perdebatan di Dewan yang mulia ini.

Saya percaya bahawa pematuhan kepada petua dan garis-garis paduan yang ditetapkan nescaya dapat membantu memperkasakan imej Parlimen sebagai sebuah institusi perundangan yang berwibawa dan disanjung tinggi di persada antarabangsa.

Besarliah harapan saya agar Ahli Yang Berhormat ini akan terus mendukung visi rakyat ke arah membina sebuah negara yang maju dan progresif dalam semua aspek pembangunan.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa dan seterusnya menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua Ahli Dewan Negara yang beragama Islam. Dengan kata-kata ini maka selesailah Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.14 pagi]